

19/09/1997

Johor Perdana pusat tadbir baru

Saodi Mat Atar

PEMBINAAN pusat pentadbiran Kerajaan Johor di Sungai Johor di Kota Tinggi, kira-kira 50 kilometer dari sini boleh dianggap bagaikan sireh pulang ke gagang berikutan pernah menjadi pusat pemerintahan di zaman Kesultanan Melayu Johor di abad ke-16.

Kalau dulu, pentadbiran di situ berasaskan perhubungan sungai, pembinaan Johor Perdana mulai akhir tahun ini, turut menggunakan konsep kehidupan di gigi air.

Kawasan seluas 5,000 hektar itu yang masih mempunyai kesan peninggalan pemerintahan kesultanan Melayu dari tahun 1530 hingga 1587 itu akan bertukar wajah dengan infrastruktur canggih beserta lanskap menarik.

Tempat Sultan Alauddin Riayat Syah membina pusat pentadbiran selepas berundur dari takhta Melaka akibat diserang portugis itu, melambangkan perjuangan orang Melayu daripada cengkaman penjajah.

Kewujudan penempatan di tebing sungai disertai dengan pembinaan kubu menjadi benteng kepada kesultanan Johor mempertahankan diri sehinggalah diusir penjajah.

Di atas kekuatan sejarah dan keunikan alam semula jadi itu, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman merancang pemindahan pentadbiran kerajaan negeri ke Johor Lama selepas beratus tahun berpusat di Johor Bahru.

Apatah lagi, pembangunan di Bandaraya Johor Bahru semakin rencam dan sesak akibat sambutan kepada pertumbuhan ekonomi tanpa disertai perancangan teliti dari segi memajukan hartanah.

Keperluan memindahkan pusat pentadbiran itu disedari sejak beberapa tahun lalu berikutan pusat sedia ada di tengah-tengah bandaraya, tidak dapat menampung kehendak perubahan urusan pemerintahan yang beralih menggunakan infrastruktur teknologi maklumat.

Kini Johor Perdana akan dimajukan di sepanjang 20 kilometer tebing timur Sungai Johor, sekali gus dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan di Timur negeri ini.

Pembukaan kawasan itu akan dimulakan akhir tahun ini dengan kerja awal pembinaan sebuah jambatan sepanjang 4.5 kilometer merentangi sungai itu selain lebuh raya sepanjang 25 kilometer.

Menurut Abdul Ghani, berkata pembinaan jambatan itu dijangka mendorong pembangunan secara terancang sehingga ke Tanjung Pengerang berikutan ia menghubungkan Johor Barat dan Johor Timur.

"Muslihat pembinaannya akan membuka Timur Johor kepada potensi pembangunan," katanya dalam satu temu bual di sini.

Lebuh raya sepanjang 25 kilometer itu menghubungkan Lebuh raya Utara Selatan di Senai ke jambatan sepanjang 4.5 kilometer merentangi muara Sungai Johor dan menuju ke Desaru.

Kedua-dua infrastruktur itu yang dianggarkan hampir RM1 bilion dijangka mendorong pembangunan sepanjang Sungai Johor sebagai pusat pertumbuhan baru ekonomi berasaskan pelancongan dan suasana kehidupan di persisiran sungai.

Rancangan itu direstui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri yang sudah meninjau kawasan sekitar Lembah Sungai Johor itu ketika melawat negeri ini Mac lalu apabila dibawa menyusuri sungai berkenaan.

"Johor bertuah kerana mempunyai sungai yang lebar begini, kita memang tertarik dengan pembangunan dekat air seperti ini kerana ia mudah dikunjungi sama ada melalui jalan air atau darat," katanya ketika itu.

Kajian pembangunan di sepanjang Sungai Johor itu dilaksanakan Institut Sultan Iskandar (ISI) bersekali dengan kajian pembangunan Daerah Pontian dengan belanja RM10 juta.

Hasil kajian ISI itu membolehkan kerajaan negeri mewujudkan pelan untuk menjadi panduan kepada corak pembangunan bakal dilaksanakan di seluruh lembah sungai itu.

Lembah Sungai Johor yang terletak di Selatan di negeri ini kaya dengan alam semula jadi hutan bakau yang memerlukan strategi pembangunan tanpa mengeneipkan unsur ekologi.

Dalam rancangan pembangunan itu, tinggalan kota pemerintahan di Teluk Sengat di situ, akan dimajukan sebagai perkampungan tradisional. Rumah di kawasan itu akan dibaikpulih bagi menggambarkan keadaan sebenar zaman pemerintahan Kesultanan Johor Lama.

Mengikut laporan ISI, Johor Perdana akan menjadi antara bandar pintar terawal yang bukan sahaja mempunyai rekabentuk terbaik dan berpegang kepada prinsip alam sekitar, bahkan mengambil kira peralihan pertumbuhan daripada industri kepada teknologi maklumat.

ISI sudah menyiapkan unjuran untuk menjadikan Johor sebagai kerajaan negeri pertama mentadbir secara kerajaan tanpa kertas apabila Johor Perdana menjadi kenyataan kelak.

Menerusi sasaran taburan penduduk suku juta orang, Johor Perdana akan menjadi pusat pentadbiran canggih, kehidupan harmoni di gigi air dan destinasi pelancongan dengan produk moden mahupun tinggalan sejarah yang diberi nafas baru.

(END)